



suara ePerolehan

April 2004 | Fasa 3 | Edisi 10

Ketua Redaksi:
Pn Andak Sopiah Md Zin

Sidang Redaksi:
En Cheong Beng Seng
Pn Nor Mazita Sharif
En Megat Zolkafeli
Pn Norhisah Md Nor
Pn Haslina Mohd Salleh
En Azman Fahmi

Grafik & Rekabentuk
En Azman Fahmi

“ePerolehan adalah Projek Kerajaan Elektronik yang paling berjaya” - Y.Bhg. Tan Sri Dr Samsudin bin Hitam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Pada 29 April 2004 satu Bengkel/Dialog ePerolehan bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah diadakan di Kementerian Kewangan, Putrajaya. Bengkel/Dialog yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr Samsudin Bin Hitam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah dihadiri lebih daripada 60 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di sekitar Lembah Kelang Ahli-ahli panel terdiri daripada Y.Bhg. Dato' Mohamedsha Bin Mislam, Pengarah Projek ePerolehan, Y.Bhg. Datuk Azizan Bin Ayob, Pengarah Eksekutif Commerce Dot Com Sdn. Bhd., En Othman Bin Abdullah, Akauntan Negara Malaysia, Haji Mahadi Bin Mohd Ibrahim, Pengarah Bahagian Pembangunan Kerajaan Elektronik, MAMPU dan Haji Mazlan Bin Harun, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pendaftaran Kontraktor (Bekalan), Kementerian Kewangan.

Objektif Bengkel/Dialog ePerolehan ini diadakan adalah untuk:

1. Menggalakkan semua PTJ yang ePerolehan *enabled* menggunakan sistem ePerolehan dalam membuat perolehan;
2. Meyakinkan para pengguna kebaikan menggunakan sistem ePerolehan selaras dengan perkembangan ICT dan
3. Memberi penyelesaian dan penjelasan secara terus kepada pengguna terhadap sebarang kemosyikilan, isu dan masalah yang dibangkitkan.



Y.Bhg Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam (tengah) sedang mempengerusikan sesi dialog bersama ahli-ahli panel yang lain.

Dua (2) kertas kerja juga telah dibentangkan iaitu “Cabaran Dalam Melaksanakan ePerolehan Dan Langkah-Langkah Penyelesaian” oleh En. Wan Omar Bin Wan Abdul Ghani daripada Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan dan “Proses Pembayaran Melalui eSPKB” oleh Puan Rosinah Binti Murad daripada Jabatan Akauntan Negara. Transaksi pembelian secara kontrak pusat dan pembelian terus telah dilaksanakan oleh pegawai daripada Kementerian Kewangan secara langsung bertujuan menunjukkan keupayaan sistem ePerolehan dalam perolehan kerajaan.

Y.Bhg. Tan Sri Dr Samsudin Bin Hitam, di dalam dialog tersebut mengucapkan tahniah kepada PTJ-PTJ yang telah memberikan sokongan kepada ePerolehan untuk menjadikan ePerolehan sebagai projek Kerajaan Elektronik yang paling berjaya. Hasil daripada teguran membina yang diterima daripada PTJ akan menjadi titik tolak untuk pihak ePerolehan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada pengguna-pengguna ePerolehan. Pihak ePerolehan kini sedang di dalam perancangan untuk mengadakan dialog yang serupa untuk para pembekal Kerajaan pula.



Antara peserta PTJ-PTJ yang hadir di majlis dialog ePerolehan.



Pegawai dari Kementerian Kewangan sedang membuat transaksi perolehan Kontrak Pusat secara “live”.



En Wan Omar sedang membentangkan kertas kerja “Cabaran Dalam Melaksanakan ePerolehan dan Langkah-Langkah Penyelesaian”.

Antara aktiviti yang dijalankan bagi memenuhi takwim bulan Mac-April 2004 untuk meningkatkan penggunaan ePerolehan di peringkat PTJ dan pembekal eP enabled:

ePerolehan, Selangkah Ke Hadapan -Sebutharga Melalui ePerolehan

Beberapa Kementerian telahpun mula menggunakan modul Sebutharga bagi membuat pelawaan Sebutharga sejak 23 Mac lalu. Pelawaan Sebutharga ini telah diterima oleh pembekal melalui sistem ePerolehan dan seterusnya maklumat-maklumat tersebut dipaparkan di dalam laman web ePerolehan. Selain daripada mereka yang dipelawa, semua pembekal yang layak dan telah eP enabled juga boleh mengambil bahagian di dalam Sebutharga tersebut.

Kementerian Kewangan Malaysia merupakan perintis dalam pelaksanaan Sebutharga melalui ePerolehan diikuti dengan Kementerian Tenaga, Air, dan Komunikasi serta Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Setakat ini sebanyak 6 Sebutharga telah dilaksanakan melalui sistem ePerolehan dan dijangka banyak lagi Sebutharga yang akan dipelawa tidak lama lagi. Ini adalah berdasarkan kejayaan yang dapat dilihat melalui pelaksanaan sebutharga yang dilaksanakan menggunakan sistem ePerolehan oleh Kementerian yang tersebut di atas.

Bagi memastikan kelancaran proses pelawaan Sebutharga, pihak ePerolehan melakukan *On-Site Assistance* atau *Handholding* di mana pegawai-pegawai ePerolehan yang berpengalaman akan ke Kementerian yang memerlukan bantuan bagi menjayakan pelaksanaan modul tersebut.

Pelawaan Sebutharga melalui ePerolehan adalah satu proses yang mudah dan ringkas. Sistem ePerolehan dapat membantu pegawai urusetia sebutharga mengenalpasti pembekal yang berkelayakan dan seterusnya mengemukakan pelawaan terus kepada pembekal secara atas talian. Pembekal pula dapat memberi maklumbalas dengan segera selepas menerima pelawaan tersebut.

Sebagai panduan, sekiranya mana-mana Kementerian yang bercadang untuk melaksanakan sebarang pelawaan Sebutharga atau Tender melalui ePerolehan, pastikan perkara-perkara berikut disediakan bagi melancarkan lagi proses implementasi:

- Rancang perolehan tahunan
- Kenalpasti pengguna bagi tujuan edaran Kad Pintar
- Hadiri latihan
- Kenalpasti pembekal

Sekiranya semua telah bersedia, pihak Kerajaan hendaklah menghubungi pihak ePerolehan untuk:

- Semakan kesediaan pengguna dari segi infrastruktur
- Semakan kesediaan pembekal, samada telah ePerolehan enable
- Mendapatkan *On-Site Assistance*



Pegawai dari Kementerian Kewangan sedang mengisi butir-butir tawaran sebutharga.



Pegawai dari Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sedang mengisi butir-butir tawaran sebutharga.

Pihak ePerolehan mengharapkan agar lebih banyak Kementerian menggunakan modul yang telah dibangunkan untuk mempelawa Sebutharga dan Tender di Kementerian masing-masing sekaligus menyokong visi Kerajaan untuk menjayakan Kerajaan Elektronik.

Untuk maklumat lanjut mengenai modul Sebutharga dan Tender, sila hubungi En. Azizul atau Cik Hazlinda di talian 03 8312 2590, emel azizul@commercedc.com.my; linda@commercedc.com.my atau hubungi bantuan PTJ di talian 03 2263 2266, emel bantuanptj@commercedc.com.my.



PTJ ingin pembekal mereka menjadi eP enabled dengan segera.

Lanjutan daripada 30 sesi taklimat yang telah diadakan di seluruh negeri (kecuali Selangor dan Kuala Lumpur) pada bulan Februari lepas, aktiviti eP enablement kini ditumpukan kepada kumpulan pembekal di dalam Lembah Kelang untuk Mac dan April. Antara sesi yang telah dijalankan ialah sesi taklimat kepada pembekal mengikut kementerian seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar dan juga Kementerian Kerjaraya. Seminar pembekal peringkat PTJ pula telah diadakan oleh Institut Diplomasni & Hubungan Luar Negeri (IDHL) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada masa yang sama, pihak ePerolehan masih berterusan memberi taklimat kepada kumpulan pembekal di luar Lembah Kelang seperti sesi yang dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Alor Setar, Kedah.

Pihak ePerolehan mengalu-alukan sebarang usaha daripada pelbagai pihak seperti persatuan dan dewan perniagaan untuk mengadakan sesi perjumpaan dan perbincangan kerana dengan cara ini maklumat untuk membantu pembekal mengembangkan perniagaan dapat disampaikan dengan lebih jelas dan efisien.

Program *Suppliers Enablement Acceleration Programme* (SEAP) yang dilancarkan ini akan diteruskan kepada PTJ di luar Lembah Kelang secara berperingkat terutamanya untuk memastikan pembekal yang aktif di dalam modul Pembelian Terus, Sebutharga dan Tender tidak ketinggalan.

Kesemua perancangan ini dibuat untuk memastikan arahan Perbendaharaan untuk memansuhkan urusan bekalan barang dan perkhidmatan secara manual seperti terkandung di dalam **SPP Bil. 5 Tahun 2003** bertajuk **Pelaksanaan Perolehan Kerajaan** dapat dipenuhi.

Pelan perancangan SEAP mengikut PTJ bagi Lembah Kelang (Mac-Jun 2004)

| Bil | Aktiviti | Tindakan |
|-----|---|------------------|
| 1 | PTJ membekalkan senarai terkini pembekal yang kerap berurusan dengan PTJ | Mac - April 2004 |
| 2 | Pihak ePerolehan mengenalpasti status enablement setiap pembekal mengikut PTJ | April - Mei 2004 |
| 3 | PTJ menetapkan tarikh mengadakan sesi dengan pembekal yang belum eP enabled | Mei 2004 |



Antara pembekal-pembekal yang hadir semasa seminar.

5 langkah bagi pembekal untuk menjadi eP enabled:

1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan
2. Mempunyai kad pintar ePerolehan
3. Mempunyai katalog di dalam sistem ePerolehan
4. Menghadiri kursus ePerolehan
5. Mempunyai komputer, sambungan internet dan alat pembaca kad pintar.

PTJ-PTJ yang bercadang untuk mengadakan sesi dengan pembekal yang perlu mengikuti proses enablement boleh berhubung dengan Unit Pengurusan Pembekal di talian 03 2263 2277 atau En. Madzli di talian 03 2263 2218 / emel madzli@commercedc.com.my atau En. Nazaruddin di talian 03 2263 2323 / emel nazaruddin@commercedc.com.my untuk maklumat lanjut dan urusan persediaan sesi tersebut.

ePerolehan Berkembang Ke Bumi Kenyalang & Negeri Di Bawah Bayu

Mulai 19 April 2004, semua permohonan pendaftaran baru, pembaharuan, pendaftaran semula, tambah bidang dan status bumiputera bagi pembekal barang dan perkhidmatan dengan Perbendaharaan Malaysia Sabah & Sarawak adalah melalui sistem ePerolehan. Modul Pendaftaran Pembekal ePerolehan yang menggantikan Sistem Pendaftaran Kementerian Kewangan (SPKK) 2000 dilaksanakan untuk memudahkan dan mempercepatkan lagi proses pendaftaran pembekal.

Modul Pendaftaran Pembekal ePerolehan bagi Perbendaharaan Malaysia Sarawak telah dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Hj. Isa Bin Kassim, Setiausaha Persekutuan Sarawak pada 20 April 2004 di Auditorium P. Ramlee, Jabatan Penyiaran, Kuching manakala Modul Pendaftaran Pembekal ePerolehan bagi Perbendaharaan Malaysia Sabah pula dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Hj. Sulaiman bin Hj. Iberahim, Setiausaha Persekutuan Sabah pada 22 April 2004 di Mini Theater, Sabah Trade Centre. Kedua-dua majlis ini dianjurkan bersama oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah/Sarawak dengan pihak ePerolehan.

Lebih daripada 200 pembekal telah hadir di setiap majlis pelancaran tersebut. Ramai di antara mereka juga telah membuat tempahan untuk menghadiri Kursus ePerolehan yang akan diadakan dan juga memesan kad pintar ePerolehan. Sokongan dan minat yang ditunjukkan oleh pembekal-pembekal di Sabah & Sarawak menunjukkan kesediaan mereka menerima perubahan ke arah era teknologi dan maklumat. Adalah dijangkakan lebih 4,000 pembekal dari Sabah & Sarawak akan turut mendaftar menggunakan ePerolehan tidak lama lagi.

Commerce Dot Com Sdn. Bhd. telah menyediakan kaunter perkhidmatan ePerolehan atau eP Shoppe di setiap pejabat Perbendaharaan Malaysia Sabah/Sarawak untuk membantu pembekal-pembekal dalam perkhidmatan:

- 1) Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan
- 2) Pendaftaran Kursus ePerolehan
- 3) Permohonan Kad Pintar ePerolehan
- 4) Pertanyaan mengenai Sistem ePerolehan
- 5) Penggunaan Komputer dan Internet

Alamat eP Shoppe:

Kaunter Perkhidmatan ePerolehan
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan
Perbendaharaan Malaysia Sabah
Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88592 Kota Kinabalu
Sabah
Tel: 088 243 993

Kaunter Perkhidmatan ePerolehan
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93592 Kuching
Sarawak
Tel: 082 421 333

Perancangan juga telah dibuat untuk melantik Pusat-Pusat Perkhidmatan ePerolehan (ePSP) di Sabah & Sarawak untuk membantu pembekal-pembekal yang berada di luar kawasan Kuching dan Kota Kinabalu.

Pusat Khidmat Bantuan Pelanggan ePerolehan Akan Berpindah

Selaras dengan perkembangan dan pembangunan syarikat kami, sukacita dimaklumkan bahawa mulai 4 Mei 2004, Pusat Khidmat Bantuan Pelanggan ePerolehan di Cyberjaya akan berpindah ke Kuala Lumpur. Nombor telefon dan alamat yang baru adalah seperti berikut:

Talian Khidmat Bantuan:
03 2263 2255 (Pembekal)
03 2274 2266 (PTJ)

Talian faks:
03 2263 2488

Alamat pejabat:
Commerce Dot Com Sdn Bhd
Level 25, Wisma Tun Sambathan
No. 2, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur



Y.Bhg Datuk Hj. Isa Bin Kassim, Setiausaha Persekutuan Sarawak sedang memberi ucapan di Majlis Pelancaran Sistem Pendaftaran Pembekal ePerolehan di Auditorium P. Ramlee, Jabatan Penyiaran Sarawak.



Y.Bhg. Dato' Hj. Sulaiman bin Hj. Iberahim, Setiausaha Persekutuan Sabah sedang memberi ucapan di Majlis Pelancaran Sistem Pendaftaran Pembekal ePerolehan di Mini Theatre, Sabah Trade Centre.



Antara pembekal Kerajaan yang hadir di majlis pelancaran untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sistem ePerolehan.